# KERANGKA KERJA PEMILIKAN TANAH ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

WAN AHMAD HAZMAN BIN WAN DAUD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KERANGKA KERJA PEMILIKAN TANAH ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

WAN AHMAD HAZMAN BIN WAN DAUD

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2022

## DEDIKASI

*Teristimewa buat isteri tersayang dan anak-anak tercinta,*

**Nur Raihan binti Mohd Hata**
**Wan Nur Humaira**
**Wan Nur Alesha**
**Wan Nur Maisarah**

*Buat mak dan abah yang dikasihi,*

*Buat keluarga dan keluarga mertua yang disayangi,*

*Segala doa, kepercayaan dan pengorbanan yang diberikan sentiasa mendorong supaya lebih untuk berusaha dalam mencapai kejayaan…*

*Serta sahabat-sahabat yang sentiasa bersama,*

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya serta izinNya maka penulisan ini dapat disiapkan dengan jayayanya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapakan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya Dr Aminah Mohsin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, meluangkan masa dan memberikan idea dalam memastikan kajian ini dapat disiapkan dengan mencapai objektif dan matlamat kajian yang ditetapkan.

Disamping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas penyelia saya Dr Khadijah Hussin dan penyelia bersama yang banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan, bimbingan dan nasihat berguna sebagai panduan untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa kepercayaan yang diberikan, kajian ini tidak akan terlaksana dengan sempurna. Selain itu, ucapan terima kasih juga diberikan kepada rakan seperjuangan ahli kumpulan LanDS yang banyak membantu dalam memberikan sumbangan idea serta semangat untuk meneruskan perjuangan ini.

Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada pelajar-pelajar yang ingin menjalankan kajian yang berkaitan dan mendorong dalam mencapai kejayaan.

Wan Ahmad Hazman
Ogos 2022, Selangor.

# ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada kumpulan minoriti yang menetap di bumi bertuah Malaysia. Masyarakat Orang Asli percaya bahawa tanah adalah warisan paling suci yang diwarisi daripada nenek moyang mereka dan harus diwariskan kepada generasi seterusnya. Menurut Kanun Tanah Negara 1965, melalui Sistem Torrens yang diamalkan di Malaysia, pendaftaran hak milik adalah segala-galanya dan hak milik tanah yang dianugerahkan tidak boleh dipertikaikan. Namun, pendudukan Orang Asli di tanah adat mereka secara asasnya adalah sebagai penyewa yang diberikan hak untuk menduduki secara ihsan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan tidak mempunyai hak pemilikan ke atas tanah tersebut yang boleh menyebabkan mereka diusir pada bila-bila masa. Oleh itu, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif iaitu mengenal pasti jenis pemilikan tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia, mengkaji kelemahan pemilikan tanah Orang Asli dan seterusnya membentuk kerangka kerja pemilikan tanah bagi tanah Orang Asli. Dua sumber data diperolehi, data sekunder dan data primer, melalui pendekatan kualitatif. Data sekunder diekstrak daripada laporan kerajaan, artikel, akhbar, buku dan jurnal. Pada masa yang sama, bagi sumber data primer, temu bual mendalam dijalankan dengan lima orang yang terlibat dalam pengurusan tanah Orang Asli menggunakan soalan temu bual separa berstruktur. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil daripada kajian ini, enam kelemahan dikenal pasti iaitu tiada pemilikan tanah, tempoh milikan 99 tahun, pembayaran premium dan cukai berkala, kelemahan Akta Orang Asli, kelemahan pentadbiran JAKOA dan pertikaian berkaitan tanah adat Orang Asli. Tujuh penambahbaikan telah dibuat berdasarkan model yang dicadangkan. Ini termasuk mengiktiraf pendudukan Orang Asli di tanah adat mereka dengan mengeluarkan hak milik, JAKOA diberi kuasa dan dinaik taraf sebagai Suruhanjaya Orang Asli, isu pemilikan tanah bagi tempoh 99 tahun diubah kepada selama-lamanya, isu pembayaran premium dan cukai berkala menerusi kaedah menang-menang, Akta Orang Asli harus dipinda mengikut perkembangan semasa dan sebarang isu berkaitan permohonan dan pertikaian tanah adat Orang Asli diuruskan oleh Suruhanjaya yang akan dibentuk. Diharap kajian ini mampu membantu masyarakat Orang Asli menyelesaikan isu berkaitan pemilikan tanah yang dihadapi sejak sekian lama terutamanya berkaitan pemilikan tanah kerana ini merupakan warisan, tradisi dan hubungan spiritual mereka dengan tanah mereka.

# ABSTRACT

Orang Asli community is part of the minorities living in the blessed land of Malaysia. Orang Asli community believes that land is the most sacred inheritance passed by their ancestors and should be passed on to the next generation. According to the National Land Code 1965, through the Torrens System being practiced in Malaysia, ownership registration is everything and the land title awarded is indisputable. However, the Orang Asli occupation of their customary land is only as tenant-at-will by the courtesy of the State Authority and does not have ownership right over the land which can cause them to be evicted at any time. Therefore, this study was conducted based on three objectives, namely, to identify the type of land ownership of the Orang Asli in Peninsular Malaysia, to study the weaknesses of Orang Asli land ownership, and then form a framework for land ownership for Orang Asli land. Two sources of data were obtained, secondary and primary data, through a qualitative approach. Secondary data was extracted from government reports, articles, newspapers, books and journals. At the same time, for primary data sources, in-depth interviews were conducted with five people involved in the management of Orang Asli land using semi-structural interview questions. The data obtained were then analysed descriptively using the content analysis method. Based on the findings, six weaknesses were identified, namely, no land ownership, a 99-year tenure, periodic premium and tax payments, weaknesses in the Orang Asli act, weaknesses in JAKOA administration and disputes related to Orang Asli customary land. Seven improvements were made based on the proposed model. These include recognizing Orang Asli occupation of their customary land by issuing title and ownership, JAKOA being empowered and upgrade as Orang Asli Commission, the issue of land ownership for a period of 99 years is changed to forever, premium payment issue and periodic tax through a win-win method, the Orang Asli Act should be amended according to current developments and any issues related to Orang Asli customary land applications and dispute are handled by the Commission that will be formed. Hopefully, this study will help the Orang Asli community resolve land-related issues faced for a long time, especially related to land ownership as this is their heritage, tradition, and the spiritual relationship that they have with their land.

## SENARAI KANDUNGAN


| | TAJUK | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | | **iii** |
| | **DEDIKASI** | | **iv** |
| | **PENGHARGAAN** | | **v** |
| | **ABSTRAK** | | **vi** |
| | **ABSTRACT** | | **vii** |
| | **SENARAI KANDUNGAN** | | **viii** |
| | **SENARAI JADUAL** | | **xiii** |
| | **SENARAI RAJAH** | | **xiv** |
| | **SENARAI SINGKATAN** | | **xv** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | | **xvi** |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | | **1** |
| | 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 | Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.3 | Persoalan Kajian | 14 |
| | 1.4 | Matlamat Kajian | 14 |
| | 1.5 | Objektif Kajian | 14 |
| | 1.6 | Skop Kajian | 15 |
| | 1.7 | Kepentingan Kajian | 15 |
| | | 1.7.1 Kerajaan | 16 |
| | | 1.7.2 Orang Asli | 16 |
| | | 1.7.3 Ahli Akademik | 16 |
| | 1.8 | Susun Atur Bab | 17 |
| **BAB 2** | **PELUPUSAN TANAH DI MALAYSIA** | | **19** |
| | 2.1 | Pendahuluan | 19 |
| | 2.2 | Sistem Torrens | 19 |
| | 2.3 | Perlembagaan Persekutuan | 20 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.4 | Kanun Tanah Negara (KTN) | 24 |
| | 2.5 | Pelupusan Tanah Menurut Kanun Tanah Negara (KTN) | 26 |
| | | 2.5.1 Kaedah Pelupusan Tanah Secara Pemberimilikan | 29 |
| | | 2.5.2 Kaedah Pelupusan Tanah Selain Daripada Cara Pemberimilikan | 36 |
| | | 2.5.2.1 Perizaban Tanah dan Pemberian Pajakan Tanah Rizab | 37 |
| | | 2.5.2.2 Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) | 39 |
| | | 2.5.2.3 Kebenaran Mengeluar dan Mengambil Bahan Batuan | 42 |
| | | 2.5.2.4 Kebenaran Menggunakan Ruang Udara | 44 |
| | 2.6 | Rumusan | 46 |
| **BAB 3** | **PEMBERIMILIKAN TANAH ORANG ASLI** | | **47** |
| | 3.1 | Pendahuluan | 47 |
| | 3.2 | Orang Asli Di Malaysia | 47 |
| | | 3.2.1 Peruntukan Mengenai Orang Asli Dalam Perlembagaan Persekutuan | 48 |
| | | 3.2.2 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) | 50 |
| | | 3.2.3 Evolusi Pentadbiran Orang Asli di Malaysia | 51 |
| | | 3.2.4 Jenis Pemilikan Tanah Orang Asli | 56 |
| | | 3.2.4.1 Rizab Orang Asli | 56 |
| | | 3.2.4.2 Kawasan Orang Asli | 57 |
| | | 3.2.4.3 Tempat Yang Diduduki Oleh Orang Asli. | 60 |
| | | 3.2.4.4 Pemilikan Persendirian | 60 |
| | | 3.2.5 Tanah Adat Orang Asli | 62 |
| | | 3.2.6 Kelemahan Pemilikan Tanah Adat Orang Asli | 63 |
| | 3.3 | Pemilikan Tanah Orang Asli di Australia | 68 |
| | | 3.3.2 Hak Tanah Adat Dan Kepentingan | 72 |
| | | 3.3.3 Mediasi Tanah Adat | 74 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.3.4 | *Native Title Act*: Menjamin hak tanah adat | 74 |
| | 3.3.5 | National Native Title Tribunal – Tribunal Kebangsaan Tanah Adat | 76 |
| | 3.3.6 | Native Title Representative Bodies (NTRBs) – Badan Perwakilan Tanah Adat | 77 |
| | 3.3.7 | Kelebihan Hakmilik Tanah Adat (*Native Title*) Pada Orang Asli | 77 |
| 3.4 | | Pemilikan Tanah Orang Asli Di New Zealand | 79 |
| | 3.4.1 | Undang-Undang Tanah Di New Zealand | 83 |
| | 3.4.2 | Kes-Kes Melibatkan Tanah Adat Di New Zealand | 84 |
| 3.5 | | Pemilikan Tanah Orang Asli di Kanada | 87 |
| | 3.5.1 | Undang-Undang Tanah di Kanada | 89 |
| 3.6 | | Perbandingan Pemilikan Tanah Orang Asli di Malaysia dan Negara Lain | 93 |
| 3.7 | | Rumusan | 96 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **BAB 4** | **METODOLOGI KAJIAN** | | **97** |
| | 4.1 | Pendahuluan | 97 |
| | 4.2 | Reka Bentuk Kajian | 97 |
| | 4.3 | Kaedah Kualitatif | 99 |
| | | 4.3.1 Kaedah Pengumpulan Data | 100 |
| | | 4.3.2 Pemilihan Responden dan Kaedah Persampelan | 102 |
| | | 4.3.3 Temubual | 105 |
| | 4.4 | Kaedah Analisis Data | 106 |
| | 4.5 | Penilaian dan Pengesahan Kerangka Kerja | 107 |
| | 4.6 | Rumusan | 109 |
| **BAB 5** | **ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN** | | **111** |
| | 5.1 | Pendahuluan | 111 |
| | 5.2 | Dapatan dan Perbincangan Objektif Pertama | 111 |
| | | 5.2.1 Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli | 112 |
| | | 5.2.2 Pelupusan Secara Pemberimilikan Tanah | 114 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 5.2.3 Kesedaran Orang Asli Terhadap Pemilikan Tanah | 117 |
| | | 5.2.4 Pembayaran Premium dan Cukai Berkala | 118 |
| | 5.3 | Dapatan dan Perbincangan Objektif Kedua | 121 |
| | | 5.3.1 Kelemahan Jaminan Hakmilik | 122 |
| | | 5.3.2 Kelemahan Kaedah Pemberimilikan | 125 |
| | | 5.3.3 Kelemahan Akta Orang Asli | 128 |
| | 5.4 | Dapatan dan Perbincangan Objektif Ketiga | 130 |
| | | 5.4.1 Kaedah Pelupusan Selain Pemberimilikan | 130 |
| | | 5.4.2 Majlis Tanah Orang Asli di Australia | 132 |
| | | 5.4.3 Mahkamah Khas Tanah di New Zealand | 135 |
| | | 5.4.4 Konsep *Sui Generis* di Kanada | 137 |
| | | 5.4.5 Pemberian Geran Komunal | 139 |
| | | 5.4.6 Hakmilik Strata Sebagai Kaedah Baru | 141 |
| | | 5.4.7 Model Pemberimilikan Tanah Orang Asli | 142 |
| | 5.5 | Penilaian dan Pengesahan Model Pemilikan Tanah Orang Asli | 149 |
| | | 5.5.1 Penilaian Cadangan Penambahbaikan Kelemahan Pemilikan Tanah Orang Asli | 150 |
| | | 5.5.2 Pengesahan Potensi Model Pemilikan Tanah Orang Asli | 158 |
| | 5.6 | Rumusan | 161 |
| **BAB 6** | **KESIMPULAN DAN CADANGAN** | | **163** |
| | 6.1 | Pendahuluan | 163 |
| | 6.2 | Pencapaian Objektif Pertama: Mengenalpasti Jenis-Jenis Pemilikan Tanah Ke Atas Orang Asli di Semenanjung Malaysia | 163 |
| | 6.3 | Pencapaian Objektif Kedua: Mengkaji Kelemahan Pemilikan Tanah Orang Asli | 165 |
| | 6.4 | Pencapaian Objektif Ketiga: Membentuk Kerangka Kerja Pemberimilikan Tanah Kepada Orang Asli | 166 |
| | 6.5 | Limitasi Kajian | 168 |
| | 6.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 168 |
| | 6.7 | Kesimpulan | 169 |

**RUJUKAN** **171**

**SENARAI PENERBITAN** **193**

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Jadual 1.1 | Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri, sehingga 31 Mac 2018 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019) | 2 |
| Jadual 1.2 | Status Pewartaan Tanah Orang Asli Semenanjung Malaysia, 2014 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019) | 6 |
| Jadual 1.3 | Tanah Hak Milik dan Diduduki Tanpa Permohonan (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019) | 8 |
| Jadual 1.4 | Kajian-kajian lepas tentang tanah Orang Asli | 11 |
| Jadual 3.1 | Perbandingan Pemilikan Tanah Orang Asli di Malaysia, Australia, New Zealand dan Kanada. | 95 |
| Jadual 4.1 | Senarai Responden | 103 |
| Jadual 4.2 | Senarai pihak pakar yang terlibat | 108 |
| Jadual 5.1 | Pihak pakar yang terlibat | 150 |
| Jadual 5.2 | Hasil penilaian item hakmilik tanah | 150 |
| Jadual 5.3 | Hasil penilaian item hakmilik tanah 99 tahun | 152 |
| Jadual 5.4 | Hasil penilaian item bayaran premium dan cukai tahunan | 153 |
| Jadual 5.5 | Hasil penilaian item kelemahan Akta Orang Asli | 154 |
| Jadual 5.6 | Hasil penilaian item isu-isu pertikaian tanah | 156 |
| Jadual 5.7 | Hasil penilaian item kelemahan pentadbiran JAKOA | 157 |
| Jadual 5.8 | Pengesahan model dalam membantu pihak JAKOA | 158 |
| Jadual 5.9 | Pengesahan potensi model untuk dilaksanakan | 159 |

## SENARAI RAJAH


| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Rajah 2.1 | Ringkasan Kaedah Pelupusan Tanah Menurut KTN | 28 |
| Rajah 2.2 | Carta Aliran Proses Memproses Permohonan Pelupusan Tanah Kerajaan, (Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 6, 2010) | 30 |
| Rajah 2.3 | Jenis Hakmilik Tanah | 33 |
| Rajah 3.1 | Carta Aliran Proses Menguruskan Permohonan Perizaban Tanah Oleh Jabatan Kerajaan Seperti Pemohonan JAKOA Bagi Perizaban Tanah Orang Asli, (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7, 2006) | 59 |
| Rajah 3.2 | Proses Penilaian Tanah Adat di Australia Selatan, (Kerajaan Australia Selatan, 2005) | 71 |
| Rajah 3.3 | Antara cebisan Treaty of Waitangi 1840 yang masih disimpan | 82 |
| Rajah 4.1 | Reka bentuk kajian di adaptasi (Creswell, 2009) | 98 |
| Rajah 4.2 | Kaedah Pengumpulan Data (Ranjit, 2005) | 101 |
| Rajah 4.3 | Metodologi Kajian | 110 |
| Rajah 5.1 | Model Pemberimilikan Tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia | 143 |
| Rajah 5.2 | Kerangka Kerja Pemberimilikan Tanah Orang Asli | 147 |

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| JOA | - | Jabatan Orang Asli |
| JHEOA | - | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli |
| JAKOA | - | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| SUHAKAM | - | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia |
| KTN | - | Kanun Tanah Negara |
| AOA | - | Akta Orang Asli |
| JPPH | - | Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta |
| JPBD | - | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| LPS | - | Lesen Pendudukan Sementara |
| KKLW | - | Kementerian Luar Bandar dan Wilayah |
| KSN | - | Ketua Setiausaha Negara |
| NNTT | - | National Native Title Tribunal |
| NNTR | - | National Native Title Register |
| ILC | - | Indigenous Land Council |

# SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Lampiran A | Borang Temu bual | 179 |
| Lampiran B | Borang Pengesahan | 185 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara sejahtera dan kaya dengan kepelbagaian kerana didiami oleh masyarakat yang berbilang bangsa dan etnik. Orang Asli adalah salah satu kumpulan minoriti peribumi Malaysia yang menjadi sebahagian daripada penghuni Malaysia dan tinggal hampir diseluruh Semenanjung Malaysia, kecuali di Pulau Pinang dan Perlis. Menurut Dewan Masyarakat edisi Mac 1997, masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang paling mundur dan ketinggalan dengan penduduk bangsa lain di negara ini. Berdasarkan kepada statistik Rancangan Malaysia Kesepuluh telah mengenal pasti bahawa 50 peratus daripada 29,990 isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan dan sejumlah 5,700 isi rumah (19%) adalah miskin tegar. Namun, masyarakat Orang Asli di Malaysia sangat bertuah kerana kebajikan mereka dipelihara sepenuhnya oleh pihak kerajaan dengan penubuhan jabatan khas bagi memantau dan menjaga kumpulan ini iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Di Semenanjung Malaysia berdasarkan maklumat dari JAKOA, Orang Asli dikategorikan kepada tiga kumpulan kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto serta terdapat enam (6) suku Orang Asli bagi setiap kumpulan utama berkenaan. Pembahagian kepada kumpulan tersebut adalah berdasarkan kepada rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap golongan. Setiap suku kaum ialah entiti etnik tersendiri yang kaya dengan budaya masing-masing. Mereka ini wujud sebagai sebuah masyarakat yang dibendung teguh oleh adat dan nilai yang diwarisi daripada generasi terdahulu (Juli Edo, 2015). Kaum Negrito mempunyai enam (6) suku kaum iaitu Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendriq dan Bate manakala kaum Senoi juga terdiri daripada enam (6) suku kaum iaitu Semai, Temiar, Jahut, Che Wong, Mahmeri dan Semoq Beri. Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Kuala dan Seletar pula adalah enam

(6) suku kaum bagi kaum Melayu Proto. Jadual 1.1 dibawah menunjukkan jumlah penduduk Orang Asli mengikut negeri, sehingga 31 Mac 2018

Jadual 1.1 Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri, sehingga 31 Mac 2018 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019)

| **Negeri** | **Bilangan Penduduk Orang Asli** | | | **Bilangan Kampung Orang Asli** |
|---|---|---|---|---|
| | **Lelaki** | **Perempuan** | **Jumlah** | |
| **Johor** | 6,702 | 6,437 | 13,139 | 58 |
| **Kedah** | 155 | 115 | 270 | 1 |
| **Kelantan** | 7,140 | 6,317 | 13,457 | 118 |
| **Melaka** | 778 | 737 | 1,515 | 14 |
| **N. Sembilan** | 5,461 | 5,070 | 10,531 | 68 |
| **Pahang** | 35,323 | 32,183 | 67,506 | 262 |
| **Perak** | 27,716 | 25,583 | 53,299 | 255 |
| **Selangor** | 9,254 | 8,333 | 17,587 | 74 |
| **Terengganu** | 474 | 419 | 893 | 3 |
| **Jumlah** | **93,003** | **85,194** | **178,197** | **853** |

Mengikut perangkaan ini, jumlah keseluruhan penduduk Orang Asli di Malaysia ialah 178,197 orang dan mempunyai 853 kampung Orang Asli. Negeri Pahang merupakan negeri yang mempunyai bilangan penduduk Orang Asli paling ramai iaitu 67,506 orang dengan komposisi 35,323 orang lelaki dan 32,183 orang perempuan. Negeri Pahang juga mempunyai jumlah tertinggi kampung Orang Asli dengan 262 bilangan kampung Orang Asli. Menurut data Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia bahawa keluasan negeri Pahang pada tahun 2007 ialah kira-kira 36,137 kilometer persegi menjadikan Pahang sebagai negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia.

Secara asasnya, hampir semua tingkah laku dan aktiviti yang Orang Asli lakukan perlu mematuhi hukum-hukum yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang

mereka sebelum ini. Perkara ini termasuk aktiviti ekonomi harian, organisasi sosial, sistem kepercayaan dan ritual, kesenian, tingkah laku dan agama (Mohd Tajuddin et al., 2016).

Orang Asli mempunyai pandangan mereka yang tersendiri mengenai pemilikan tanah. Pada golongan Orang Asli tanah ialah kurniaan Tuhan dan merupakan (ancestral domain) iaitu warisan utama daripada nenek moyang mereka dan merupakan (ancestral resources) sumber warisan (Anthony Williams-Hunt, 1994). Tanggapan mereka bahawa penguasaan kepada tanah merupakan syarat utama bagi mereka mengekalkan kehidupan sebagai suatu kumpulan yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sejarah, budaya dan spiritual yang diwarisi sekian lama (Hazila Rahmat, 2000; Abdul Rashid, 2003).

Orang Asli mempercayai bahawa tanah adalah merupakan suatu yang perlu dikongsi bersama dengan generasi akan datang dan masyarakat sebelum ini. Ini bermakna setiap ahli kumpulan mempunyai hak untuk membuka tanah dan mengusahakannya serta menjalankan aktiviti mengumpul hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan. Dalam mengusahakan tanah, setiap anggota Orang Asli dibenarkan sekadar membuka kawasan untuk menampung keperluan keluarganya sahaja dan dilarang daripada mengusahakan secara berlebihan. Perkara ini dilakukan bagi menjamin generasi mereka yang akan datang mempunyai tanah untuk diusahakan bagi meneruskan keberlangsungan hidup.

Orang Asal di Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan tanah, wilayah dan sumber alam. Tanah dan sumber alam mereka bukan sahaja penting sebagai sumber rezeki tetapi juga sebagai sebahagian kehidupan rohani dan budaya mereka dan membentuk sebahagian daripada identiti mereka. Pengetahuan, inovasi dan amalan Orang Asal dalam pemuliharaan sumber alam jarang difahami. Konsep utama dalam pemuliharaan sumber alam ialah penggunaan dan pemeliharaan yang merangkumi kesedaran mendalam tentang alam sekitar, dan pengamatan tentang perlindungan serta kesinambungan sumber-sumber alam dan budaya (SUHAKAM, 2013).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Tanah dan sumber semula jadi merupakan suatu kebergantungan yang penting bagi Orang Asli. Ini adalah kerana, terdapatnya hubungan yang rapat antara Orang Asli dengan tanah dalam kehidupan sebagai salah satu sumber rezeki serta membentuk keunikan budaya, rohani, pengetahuan, tradisi dan identiti bagi mereka.Tanah juga merupakan komponen asas dalam pembangunan, baik dari sudut ekonomi mahupun fizikal. Tanpa pemilikan tanah, Orang Asli tidak dapat menjalankan sebarang aktiviti perladangan, pertanian dan pembinaan penempatan (Khairul Hisyam dan Ibrahim Ngah, 2007). Pemilikan tanah ini memberikan hak kepada mereka untuk membuka tanah dan mengusahakannya serta mempengaruhi penempatan mereka yang diwarisi secara turun menurun (Suhada,2016).

Namun begitu, pada masa sekarang terdapat beberapa isu dan masalah dalam pemilikan tanah Orang Asli iaitu masalah perundangan, pentadbiran dan sosial. Masalah yang pertama adalah daripada segi perundangan yang melibatkan undang-undang dan dasar dalam urusan pemilikan tanah adat. Perkara ini sebagaimana merujuk perundangan yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) yang masih belum mengiktiraf dan tiada pendaftaran hak milik bagi tanah adat ini. Ini dapat dilihat dalam seksyen 4(2) KTN, masih tiada perincian secara jelas tentang pemegangan dan juga hak adat orang asli. Begitu juga dengan seksyen 4 (1) KTN, yang menyatakan bahawa negeri mempunyai pemilikan terhadap semua tanah yang belum didaftarkan atau tanah simpanan. Bagi tanah persendirian pula hanya ditentukan melalui sistem pendaftaran sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa, tanah adat orang asli secara tidak langsung menjadi hak milik kerajaan negeri kerana tanah adat belum didaftarkan. Tanah tersebut hanya sekadar didiami oleh mereka sejak zaman dahulu (Rohaida, Norainina, Nur Syafiqah dan Norizan, 2021).

Merujuk kepada (Hazila Rahmat, 2000; Hamimah Hamzah, 2013; Noraini Ali, 1999; Hasan Mat Nor, 1998; Sunaidin, 1997), Orang Asli kini tiada hakmilik berdaftar dan juga tiada jaminan hak ke atas pendudukan mereka di atas tanah adat kerana pendudukan Orang Asli diatas tanah-tanah tersebut hanyalah dalam bentuk ‘ehsan’ Kerajaan Negeri *(tenant-at-will).* Kenyataan ini disokong oleh Khairul Hisyam dan

Ibrahim Ngah (2007), yang menyatakan beberapa peruntukan undang-undang yang sedia ada di Malaysia tidak membantu Orang Asli dalam mendapatkan hak untuk memiliki tanah.

Selain itu, masalah perundangan juga berpunca daripada sekatan dan batasan yang terdapat dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) yang menyatakan bahawa hak yang diberikan mengikut akta ini kepada orang asli bukanlah hak mutlak. Ini merujuk kepada seksyen 9 Akta 134 dengan menyatakan orang asli tidak boleh memindah milik, memajak, atau melepaskan mana-mana tanah kecuali dengan persetujuan Pesuruhjaya. Sekiranya terdapat orang asli melakukan hal yang tersebut tanpa persetujuan Pesuruhjaya, maka, perisytiharan kawasan rizab orang asli dikira tidak sah dan tidak berkuat kuasa. Oleh itu, dapat dilihat bahawa mereka tidak memiliki tanah secara mutlak dan ketiadaan jaminan pegangan tanah kerana masih mempunyai sekatan dan batasan. Mereka hanya mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menduduki, mengawal dan menguruskan tanah mereka sahaja tanpa pemilikan sepenuhnya (Vijeyasri & Mazliza, 2017).

Disamping itu menurut Akta 134 juga, masih tiada peruntukan terperinci tentang notis pemberitahuan penghapusan atau pengurangan hak tanah adat dalam urusan pengambilan balik tanah untuk tujuan pewartaan sebagai hutan pengeluaran atau perlindungan alam. Peruntukan tentang prinsip pemberian izin juga tidak dinyatakan berasaskan maklumat awal, bebas dan telus oleh masyarakat Orang Asli untuk perkara-perkara berkenaan hak tanah Orang Asli dan lain-lain yang berkaitan dengan kehidupan mereka (SUHAKAM, 2013).

Berdasarkan statistik pada Jadual 1.2, Pewartaan tanah Orang Asli menunjukkan angka yang membimbangkan kerana jumlah pewartaan adalah masih kecil berbanding pendudukan oleh Orang Asli ke atas tanah adat mereka. Begitu juga dengan data pemberian hakmilik kepada Orang Asli ianya juga amatlah rendah berbanding keseluruhan jumlah tanah yang diduduki oleh Orang Asli. Jadual 1.2 menunjukkan status pewartaan tanah Orang Asli Semenanjung Malaysia pada tahun 2014. Melalui perangkaan yang ditunjukkan, secara keseluruhannya Malaysia mempunyai 29,166.66 hektar tanah yang telah di wartakan sebagai Kawasan Rizab

Orang Asli (Seksyen 7) dan Kawasan Orang Asli (Seksyen 6) termasuk tanah yang dirizabkan dibawah seksyen 6 dan 7 dalam satu pewartaan. Selain itu, terdapat 19,774.22 hektar tanah yang belum diwartakan tetapi telah pun di luluskan sebagai kawasan tanah Orang Asli oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Menerusi perangkaan diatas, negeri tertinggi yang telah mewartakan kawasan Orang Asli adalah negeri Perak dengan keluasan 11,924.68 hektar, manakala negeri tertinggi yang telah meluluskan Kawasan Orang Asli namun belum mewartakan lagi adalah negeri Pahang dengan keluasan 8,958.17 hektar.

Jadual 1.2 Status Pewartaan Tanah Orang Asli Semenanjung Malaysia, 2014 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019)

| **Negeri** | **Tanah Orang Asli telah diwartakan (Hektar)** | | | **Tanah Orang Asli telah diluluskan MMK tetapi belum diwartakan (Hektar)** | **Tanah Orang Asli dalam permohonan (Hektar)** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Rizab Orang Asli (Seksyen 7(I)) Akta 134** | **Kawasan Orang Asli (Seksyen 6) Akta 134** | **Seksyen 6 dan 7 (Akta 134)** | | |
| **Kedah** | 173.38 | - | - | - | - |
| **Perak** | 5,202.08 | 3,901.27 | 2,821.33 | 4,927.25 | 25,588.94 |
| **Selangor** | 1,313.98 | - | - | 1,388.30 | 3,925.73 |
| **Negeri Sembilan** | 3,057.57 | 312.93 | - | 1,298.77 | 2,422.93 |
| **Melaka** | 12.92 | - | - | 428.74 | 50.5 |
| **Johor** | 2,389.63 | 2,452.39 | - | 431.65 | 3,310.53 |
| **Pahang** | 6,073.39 | 85.81 | - | 8,958.17 | 36,701.69 |
| **Terengganu** | - | 1,369.98 | - | 103.24 | - |
| **Kelantan** | - | - | - | 2,238.10 | 3,181.08 |
| **Jumlah** | **18,222.95** | **8,122.38** | **2,821.33** | **19,774.22** | **75,181.40** |
| | **29,166.66** | | | | |

Namun begitu, jumlah tanah yang telah dibuat permohonan tetapi masih belum diwartakan adalah lebih tinggi daripada yang telah di wartakan iaitu 75,181.40 hektar bagi keseluruhan semenanjung Malaysia. Hal ini adalah amat serius, walaupun permohonan telah dibuat ke atas tanah Orang Asli, namun tanah tersebut masih belum dapat di luluskan oleh kerajaan sebagai tanah Orang Asli. Akibatnya, tanah Orang Asli boleh diambil pada bila-bila masa bagi tujuan pembangunan dan mereka tidak diberikan pampasan setimpal selain kehilangan identiti mereka (Vijeyasri & Mazliza,

2017). Ini jelas menunjukkan bahawa Akta 134 ini tidak sesuai lagi digunakan pada zaman moden ini kerana menyumbang kepada pengambilan tanah adat secara besar-besaran oleh kerajaan seterusnya menempatkan Orang Asli dalam keadaan lemah (Izawati Wook, 2016; Hooker, 1996). Tanah-tanah tersebut pula mempunyai nilai yang besar kepada Orang Asli, kehilangan tanah tersebut menjadikan masa depan mereka tidak menentu kerana ketiadaan tanah-tanah alternatif atau kemahiran mengiatkan tanah lain. (Anuar Alias, 2007).

Seterusnya terdapat juga masalah pentadbiran dalam pemilikan tanah Orang Asli yang melibatkan proses pengurusan permohonan tanah. Terdapat kelewatan dalam proses persempadanan tanah adat. Keadaan ini memberikan kesan negetif kepada usaha komuniti Orang Asli untuk mendapatkan hak milik yang sah (Azima *et al*., 2016). Masalah pentadbiran juga berlaku dalam jabatan yang berkenaan seperti JAKOA. Ini adalalah berpunca daripada tanah yang diduduki oleh Orang Asli tidak lagi dimohon oleh pihak JAKOA untuk maksud tanah rizab Orang Asli (Seksyen 7) dan kawasan Orang Asli (Seksyen 6). Pemohonan tersebut hanya boleh dilakukan melalui JAKOA, iaitu sebuah jabatan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mengendalikan hal ehwal Orang Asli. Manakala Pejabat Tanah dan Galian hanya menerima permohonan daripada JAKOA untuk proses pewartaan sesuatu kawasan sebagai rizab Orang Asli (Malaysia Kini, 2014).

Akibat daripada pewartaan yang tidak menyeluruh, sama ada tiada langsung pewartaan ataupun penarikan balik warta yang berpunca daripada masalah pentadbiran telah mengakibatkan Orang Asli sering dikatakan menceroboh tanah kerajaan walaupun mereka telah lama menetap di kawasan itu. Tanah tersebut juga menjadi semakin terhad, tidak mencukupi dan berharga untuk dimiliki dalam kalangan Orang Asli selari dengan populasi Orang Asli yang semakin meningkat (Zainal Zulhilmi 2015; Siti Ayu Zubaidah, 2011). Kerajaan juga enggan memperakui keputusan kes-kes terdahulu, di mana hak Orang Asli ke atas tanah diiktiraf oleh mahkamah sebagai hak milik yang sah dan boleh dikuatkuasa walaupun tanah tersebut tidak bergeran atau diwartakan oleh Kerajaan Negeri (Vijeyasri & Mazliza, 2017).

Jadual 1.3 Tanah Hak Milik dan Diduduki Tanpa Permohonan (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019)

| **Negeri** | **Tanah Diduduki Tanpa Permohonan Rasmi (Hektar)** | **Tanah Hak Milik Individu (Perumahan) (Hektar)** | **Tanah Hak Milik Individu (Pertanian) (Hektar)** |
|---|---|---|---|
| **Kedah** | - | - | - |
| **Perak** | 1,621.16 | 2.5 | 1.26 |
| **Selangor** | 914.19 | 18.86 | 41.3 |
| **Negeri Sembilan** | - | 0.7 | - |
| **Melaka** | - | - | - |
| **Johor** | 23 | 1.1 | 181.78 |
| **Pahang** | 2,336.77 | 52.26 | 1,156.51 |
| **Terengganu** | - | 39 | 40 |
| **Kelantan** | - | 1.11 | - |
| **JUMLAH** | **4,895.12** | **115.53** | **1,420.85** |

Berdasarkan Jadual 1.3, dapat dilihat bahawa terdapat tanah yang diduduki tanpa permohonan rasmi oleh Orang Asli di Malaysia iaitu 4,895.12 hektar. Jumlah pendudukan tanpa permohonan tertinggi adalah di negeri Pahang dengan jumlah kawasan 2,336.77 hektar iaitu sekitar 47.7 peratus dari keseluruhan jumlah tanah yang diduduki tanpa pemohonan rasmi. Maka, perkara ini telah menjejaskan kepentingan pemilikan dan hak Orang Asli yang menyebabkan Orang Asli masih dianggap mencerobohi tanah Kerajaan.

Selain itu, masalah pemilikan tanah Orang Asli juga berlaku dalam aspek sosio-ekonomi yang berpunca daripada pencerobohan kawasan tanah Orang Asli dan kemunduran dalam komuniti mereka. Pencerobohan ini meliputi aktiviti perladangan komersial dan berskala besar, pembinaan empangan jalan kuasa elektrik, empangan bekalan air, jalan raya, tapak rekreasi dan taman perumahanan yang memasuki kawasan kampung komuniti adat tanpa mendapatkan izin dan kebenaran daripada penduduk kampung (Azima *et al*., 2016).

Walaupun syarikat pembangunan tersebut diberikan Provisional Lease (PL) bagi aktiviti perladangan berskala besar, namun mereka masih memasuki kawasan tanah adat untuk perladangan dan pembalakan terutamanya kawasan tanah hutan dara yang dilindungi oleh komuniti. Bayaran pampasan atau sagu hati yang diperolehi juga

tidak setimpal hasil daripada perundingan yang dilakukan. Ini adalah kerana, mereka tidak mempunyai pengalaman dalam perundingan dan juga tidak mampu untuk membiayai khidmat guamaan. Terdapat juga pencerobohan tanah adat tanpa perundingan sehingga berlakunya kes tangkapan Orang Asli. Sekiranya dibiarkan berterusan masalah pencerobohan ini boleh mengakibatkan ancaman kehilangan hak pemilikan, kehidupan semakin terjejas dan juga penempatan Orang Asli mengalami kemusnahan (Azima et al., 2016; Nor Fazlina, 2019; Juli Edo, 2010).

Menerusi kajian oleh Wiliam-Hunt (1998) pula, didapati bahawa masyarakat Orang Asli masih jauh ketinggalan dari segi menikmati kemudahan pembangunan infrastruktur bukan sahaja mereka yang berada di pedalaman, malah turut dihadapi oleh masyarakat Orang Asli yang tinggal di perkampungan Melayu dan pekan kecil. Namun, setelah pembangunan oleh kerajaan negeri dan pihak swasta seperti pewartaan Taman Negara dan Rancangan Pembangunan Semula (RPS) yang dilaksanakan terdapat masalah lain pula yang berlaku. Pembangunan tersebut adalah tidak selari dengan tahap kesediaan dan persekitaran semasa dari aspek sosial dan moral. Malahan situasi ini turut dipengaruhi oleh peluang ekonomi seperti pemilikan tanah, peluang pekerjaan, pendidikan dan status, namun peluang-peluang yang diberikan jelas tidak seimbang dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan Orang Asli (Maryati Mohamed *et al.* ,2012).

Merujuk kepada semua situasi yang berlaku, jelaslah bahawa terdapatnya masalah dalam aspek perundangan, pentadbiran dan juga sosio-ekonomi pada masa sekarang telah menjejaskan kepentingan dan jaminan hak tanah Orang Asli. Suatu penambahbaikan diperlukan sebagaimana yang dicadangkan oleh (Azima *et al*., 2016; Rohaida *et al*., 2021; Hazila Rahmat, 2000), masalah ini perlu ditangani segera supaya hak Orang Asli lebih terjamin terhadap pemilikan tanah yang diwarisi sejak turun-temurun dan hanya bergantung kepada tanah serta sumber alamnya. Peruntukan undang-undang juga perlu dikemaskini semula supaya lebih bersesuaian dengan kehendak mereka untuk melindungi kepentingan Orang Asli (Nurul Amira dan Azima, 2020). Sudah sampai masanya kerajaan melihat penyelesaian di luar kotak dalam membangunkan Orang Asli menerusi pemberian hakmilik kepada mereka (Hamimah Hamzah, 2013).

Manakala kajian-kajian lepas pula tidak menfokuskan kepada kaedah dan kelemahan pemberimilikan tanah Orang Asli serta tiada penambahbaikan dalam bentuk rangka kerja terhadap kelemahan yang dihadapi. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual 1.4.

Oleh itu, diperlukan satu kajian bagi mengatasi kelemahan kaedah pemberimilikan tanah Orang Asli supaya  menjamin kepentingan dan hak pemilikan serta menambah baik kelemahan yang dihadapi oleh mereka. Maka hasil daripada perlaksaan kajian ini, dapatlah mengurangkan jurang kajian tentang pemilikan tanah Orang Asli khususnya kelemahan yang terdapat dalam kaedah pemberimilikan tanah Orang Asli dapat diisi dan dipenuhi.

Jadual 1.4 Kajian-kajian lepas tentang tanah Orang Asli

| Penulis | Tajuk | Fokus Kajian | Metodologi | Penemuan | Jurang Kajian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Siti Aishah dan Azima (2021) | Tahap penerimaan masyarakat orang asli terhadap pemilikan tanah berstatus geran | Isu pencerobohan dan pembangunan tanah orang Asli serta penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran. | Kajian kuantitatif (60 orang penduduk Orang Asli) | Tahap penerimaan orang Asli terhadap tanah bergeran adalah tinggi dan dipengaruhi oleh faktor dalam sosiobudaya, persekitaran, ekonomi dan identiti serta memerlukan pemahaman dan penelitian yang lebih terperinci berkenaan pemberi milikan tanah bergeran. | Kajian hanya menfokuskan kepada beberapa isu pemilikan sahaja tanpa membincangkan tentang kelemahan sistem pemilikan tanah Orang Asli secara menyeluruh. |
| 2.Fifi Norhahdah dan Rozilah Kasim (2021) | Kepentingan Perwartaan Tanah Rizab Orang Asli. | Isu jaminan hak dan kepentingan Orang Asli terhadap tanah rizab. | Kaedah kualitatif (temu bual penduduk kampung kawasan kajian) | Terdapat empat kepentingan perwartaan tanah rizab kepada masyarakat orang asli iaitu kelestarian hak pemilikan, kelestarian sosioekonomi, kelestarian kampung orang asli dan kelestarian budaya. | Hanya menyentuh isu kepentingan pewartaan tanah rizab Orang Asli sahaja tanpa menfokuskan kepada isu dan kelemahan kaedah pemilikan tanah Orang Asli. |
| 3.Rohaida Nordin, Norainina, Nur Syafiqah dan Norizan, (2021 | Hak orang asal berkaitan dengan pengambilalihan tanah:<br>kajian perbandingan antara malaysia<br>dengan filipina | Isu peruntukan hak tanah adat yang tidak jelas, isu pengambilan tanah adat orang asli yang tidak mengikut prosedur yang betul, isu pampasan tanah adat selepas pengambilalihan.. | Kajian perbandingan Malaysia dan Filipina. | Perbandingan antara kedua-dua negara ini menunjukkan bahawa Filipina mempunyai undang- undang berkaitan tanah adat yang lebih berstruktur dan mengiktiraf hak dan memberi lebih perlindungan hak kepada orang asal ICC di negara tersebut. | Kajian hanya menfokuskan kepada isu yang berkaitan dengan pengambilan tanah adat Orang Asli sahaja tanpa menfokuskan tentang kelemahan sistem pemilikan tanah Orang Asli |
| 4. Nurul Amira dan Azima (2020) | Faktor yang Mendorong Pertikaian terhadap Boleh Guna Tanah Milik Orang Asli. | Faktor-faktor yang mendorong pertikaian pemilikan tanah Orang<br><br>Asli dengan agensi pembangunan sama ada | Kajian kuantitatif (soal selidik, 60 orang responden) | Terdapat pertikaian yang wujud di antara masyarakat Orang Asli dan pihak agensi seperti pihak pemaju dan kerajaan negeri yang berpunca daripada enam faktor utama iaitu perbezaan kepentingan ke atas | Kajian hanya menekankan punca pertikaian pemilikan tanah Orang Asli sahaja tanpa menyentuh isu perundangan, pentadbiran dan sosio-ekonomi dalam pemilikan tanah Orang Asli. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | kerajaan, sektor swasta atau sektor perladangan. | | tanah, tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan, peruntukan undang-undang dan regulasi, kesedaran dan pemahaman terhadap pemilikan, pentadbiran serta eksploitasi, diskriminasi dan pelanggaran hak. | |
| 5. Dhaniah Ahmad (2019) | Isu yang timbul di bawah proses pengambilan tanah Orang Asli dan orang awam (Kajian kes: Stulang Laut) | Isu yang berlaku dalam pengambilan tanah, penyelesaian terhadap isu pengambilan tanah dan penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada Orang Asli. | Kajian kes: gabungan kajian kuantitatif (masyarakat) dan kualitatif (temu bual jabatan terlibat) | Isu yang dibangkitkan oleh masyarakat: isu pembangunan dan penggunaan tanah oleh pihak berkuasa, isu pampasan, kelewatan bayaran pampasan, dan hak tanah. Manakala aspek perundangan, hak bersuara, ketelusan oleh pentadbir tanah dan sokongan padu daripada semua pihak adalah merupakan usaha penyelesaian kepada isu tersebut. | Hanya menyentuh isu dalam pengambilan tanah sahaja. Penyelesaian yang dicadangkan hanya berkaitan dengan isu tersebut sahaja. |
| 6.Vijeyasri Ramesh dan Mazliza mohamad (2017) | Hak tanah orang asli: isu-isu hak tanah orang asli di semenanjung malaysia | Isu-isu berkaitan hak tanah Orang Asli seperti diskriminasi dan kesan perampasan tanah Orang Asli serta langkah-langkah yang diambil oleh badan berkuasa dalam menangani isu hak tanah Orang Asli. | Kajian literatur | Langkah penyelesaian: meminda Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara 1965 dan menerima undang-undang antarabangsa yang disediakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Orang Asli serta meningkatkan pengetahuan orang Asli terhadap hak-hak mereka. | Kajian ini hanya membincangkan tentang isu pampasan tanah Orang Asli tanpa menfokuskan kepada isu dan kelemahan dalam pemilikan tanah Orang Asli. |
| 7. Azima, Suhana Saad, Sarmila, Mohd Yusoff, Shafiq, Novel Lyndon, Sivapalan, Mohd Fuad dan Mokhtar Saad (2016) | Cabaran dalam mempertahankan tanah adat di Malaysia: Kajian kes tanah NCR suku kaum Bidayuh di Sarawak. | Cabaran yang dihadapi suku kaum Bidayuh dalam mempertahankan hak milik tanah adat dan usaha para pemilik untuk mempertahankan hak mereka. | Perbincangan secara berkelompok dengan kumpulan fokus (FGD) dan temu bual (pemilik tanah adat) | Cabaran mempertahankan tanah adat: kelewatan proses persempadanan, pencerobohan ke atas tanah adat, bayaran pampasan, penglibatan komuniti dalam skim pembangunan, tiada kesepakatan dan konflik dalaman suku, serta persaingan terhadap tanah adat. | Kajian menfokuskan kepada cabaran mempertahankan hak milik sahaja tanpa penghasilan rangka kerja bagi penambahbaikan masalah. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 8. Izawati Wook (2016) | Orang asli di semenanjung malaysia dan pengiktirafan hak tanah mereka di bawah akta orang asli 1954 | Kedudukan Akta Orang Asli 1954 (Akta 153) dan latar belakang sejarahya. | Pendekatan sejarah dan doktrin | Undang-undang mengiktiraf hak Orang Asli ke atas tanah daripada adat dan amalan mereka dan tiada asas undang-undang untuk mengganggap bahawa Orang Asli tinggal di tanah Negara atas ihsan Negara. | Kajian membincangkan pengiktirafan hak tanah Orang Asli sahaja tanpa menyentuh tentang isu yang di hadapi mereka dalam pemilikan. |
| 9. Noraida Harun dan Noor 'Ashikin Hamid (2010) | Akta orang asli 1954 (akta 134): sejauh mana melindungi hak orang asli: satu kajian perbandingan | Isu dan kelemahan yang berkaitan dengan hak dan kepentingan Orang Asli. | Kajian literatur | Terdapat isu hak dan kepentingan Orang Asli seperti hak adat orang asli terhadap tanah, pampasan,hak asasi manusia,pendidikan, pengambilan tanah, pengetahuan tradisi dan lain-lain serta cadangan-cadangan untuk penambahbaikan. | Hasil kajian hanya menfokuskan kepada cadangan penambah baikan tanpa menghasilkan rangka kerja pemilikan. |
| 10. Mohd Sayuti (2015) | Hak penentuan kendiri Orang Asli di bawah undang-undang antarabangsa: Kajian kes Orang Asli. | Permasalah undang-undang salah satu faktor kemelut pengiktirafan hak Orang Asli, isu tanah adat dan kemunduran. | Kajian kualitatif (kajian kes) | Pindaan Akta Orang Asli perlu dilakukan segera, memasukkan peruntukan hak, mengiktiraf sistem ekonomi adat Orang Asli dan penubuhan suruhanjaya urus tadbir Orang Asli. | Hanya menfokuskan kepada isu dalam Akta Orang Asli sahaja tanpa membincangkan isu pemilikan secara lebih meluas. |
| 11. Zainal Zulhilmi dan Seow Ta Wee (2015) | Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia. | Konflik antara antara pemaju dan masyarakat setempat akibat daripada pembangunan. Terdapat isu kehilangan tempat tinggal dan kawasan pencarian hasil dan sumber hutan. | Kajian literatur | Masalah yang dikenalpasti adalah undang-undang yang sukar difahami, hak milik yang tidak boleh disangkal, permohonan tanah yang tertunggak dan pengiktirafan hak ke atas tanah. | Kajian hanya menerangkan kerangka teori sahaja berkenaan aspek perundangan tanah rizab. Tidak menfokuskan secara spesifik bentuk pelupusan kepada Orang Asli. |
| 12. Hazila Rahmat (2000) | Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli dan kesannya ke atas pemilikan dan pembangunan tanah Orang Asli. | Tanah rizab Orang Asli yang diwartakan masih mempunyai had dan bukanlah satu bentuk pemilikan tetapi bersifat milikan. | Kajian kes: gabungan kajian kuantitatif (soal selidik) dan kualitatif (temu bual) | Kaedah RPS sesuai dilaksanakan ke atas tanah rizab Orang Asli di Semenanjung Malaysia kerana meningkatkan taraf hidup dan membantu selesaikan isu pemilikan yang terpinggir. | Kajian memberikan tumpuan kepada kepentingan pemilikan tanah Orang Asli dan terdapat cadangan pemberimilikan tetapi menfokuskan kepada model RPS sahaja. |

## 1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian dibentuk yang menjadi fokus dalam perlaksaan keseluruhan kajian ini. Antara persoalan yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti berikut:

i) Bagaimanakah sistem pemilikan tanah yang sedang diamalkan sekarang di Malaysia terhadap masyarakat Orang Asli?

ii) Apakah kelemahan yang terdapat dalam kaedah pemberimilikan tanah kepada Orang Asli yang diamalkan di Malaysia?

iii) Apakah pendekatan terbaik dalam melakukan pemberimilikan tanah kepada Orang Asli?

## 1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mewujudkan satu kerangka kerja pemberimilikan tanah bagi masyarakat Orang Asli yang sistematik dan praktikal untuk membela hak mereka dalam menjamin keberlangsungan sosial dan ekonomi kumpulan Orang Asli.

## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian tersebut, maka kajian ini dilaksanakan untuk mencapai tiga (3) objektif berikut, iaitu:

i) Mengenalpasti jenis-jenis pemilikan tanah ke atas Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

ii) Mengkaji kelemahan pemilikan tanah Orang Asli.

iii) Membentuk kerangka kerja pemberimilikan tanah kepada Orang Asli.

## 1.6 Skop Kajian

Merujuk kepada matlamat dan objektif yang ingin dicapai, terdapat beberapa skop yang ditumpukan bagi kajian ini. Kajian ini memfokuskan kepada isu pemilikan tanah Orang Asli dalam aspek perundangan, pentadbiran dan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh mereka pada masa sekarang. Terdapat kelemahan dalam kaedah pemberimilikan yang perlu dijelaskan dengan lebih teliti serta perlu ditambah baik supaya dapat menjamin kepentingan hak Orang Asli serta memelihara nilai tradisi mereka. Ini adalah kerana tanah dan sumber alam merupakan sumber utama bagi kelangsungan hidup mereka.

Disamping itu, kajian ini juga menfokuskan kepada reka bentuk kajian secara kualitatif melalui temubual secara mendalam bersama pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam pengurusan tanah Orang Asli.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada kaedah dan model pemberimilikan tanah Orang Asli yang dihasilkan menerusi kajian ini, diharap ia mampu menyumbang kepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam pengurusan Orang Asli di Malaysia sama ada kerajaan pusat, kerajaan negeri, pihak-pihak berkentingan seperti agensi kerajaan dan swasta, badan-badan pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat setempat serta Orang Asli itu sendiri seperti dijelaskan di bawah:

### 1.7.1 Kerajaan

Melalui kajian yang dijalankan ini, diharapkan pihak kerajaan akan menyegerakan usaha pelupusan hakmilik kepada Orang Asli selari dengan hasrat mereka untuk memiliki hakmilik di atas tanah yang diwarisi, diusahakan dan sedang didiami kini. Kajian ini juga mampu mengupas cara-cara untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam usaha kerajaan membantu masyarakat orang. Seterusnya, melalui kajian ini juga, pihak kerajaan boleh membuat penambahbaikan kepada usaha-usaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan kehidupan kepada Orang Asli.

### 1.7.2 Orang Asli

Kajian ini amatlah diharapkan membantu komuniti Orang Asli untuk mengetahui hak yang sepatutnya diperolehi sebagai penduduk asal negara ini selain memelihara kekayaan nilai tradisi selari dengan cara hidup mereka. Orang Asli perlu diberikan pengiktirafan oleh kerajaan dalam pemilikan tanah setaraf dengan negara-negara maju lain yang mengiktiraf pemilikan tanah adat kepada penduduk asal negara mereka. Selain itu juga, hasil kajian ini diharapkan akan memberi ruang kepada Orang Asli dalam mendapatkan hakmilik tanah dan membolehkan membangunkan tanah mereka sendiri dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka serta keluar daripada belenggu kemiskinan yang melanda kumpulan ini kini.

### 1.7.3 Ahli Akademik

Hasil kajian ini diharap dapat membantu kepada penambahan kajian literatur dalam bidang ini selain dapat dijadikan sumber rujukan kepada pelajar-pelajar dan para pengkaji mengenai Orang Asli dan pemilikan tanah Orang Asli secara keseluruhannya di negara kita.

## 1.8 Susun Atur Bab

Penulisan kajian ini secara keseluruhannya merangkumi enam (6) bab yang mengandungi bab pengenalan, kajian literatur, metodologi kajian, analisis kajian, penghasilan dan pengesahan model dan kesimpulan dan cadangan kajian.

Bab satu (1) adalah pengenalan kepada kajian ini. Di dalam bab ini akan menerangkan tentang latar belakang dan pernyataan masalah kepada penyelidikan ini. Selepas itu, persoalan kajian akan diberikan perhatian bagi membentuk matlamat dan objektif bagi kajian yang akan dilaksanakan. Seterusnya, bab ini akan diterangkan mengenai skop kajian dan kepentingan kajian ini. Di penghujung bab ini akan menceritakan mengenai susunatur bab bagi keseluruhan penyelidikan ini.

Bab dua (2) pula ialah mengenai pelupusan tanah di Malaysia. Bab ini akan menerangkan segala definisi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Selain itu, penerangan mengenai segala perundangan berkaitan dengan proses pelupusan tanah akan dibincangkan secara terperinci. Menerusi bab ini juga kaedah pelupusan secara pemberimilikan dan selain daripada cara pemberimilikan akan diterangkan dengan jelas.

Bab tiga (3) pula akan menerangkan tentang pemberimilikan tanah Orang Asli. Bab ini akan memperhalusi kaedah pemilikan tanah adat yang sedang diamalkan di Malaysia. Tiga negara yang memiliki jumlah Orang Asli yang ramai iaitu Australia, New Zealand dan Kanada akan dikaji menerusi bab ini mengenai model pemilikan tanah adat yang sedang dipraktiskan di negara tersebut. Di akhir bab ini, perbandingan mengenai kaedah dan proses akan dilakukan bagi membolehkan analisis lebih lanjut dijalankan pada peringkat pengumpulan data.

Bab empat (4) akan memberikan fokus kepada kajian metodologi mengenai kajian ini. Kajian ini mengunakan kaedah kualitatif. Oleh itu, bab ini akan menerangkan mengenai reka bentuk kajian, pemilihan sampel dan teknik persampelan, protokol temubual dan proses pengumpulan data yang diaplikasikan di dalam penyelidikan ini. Selain itu, bab ini juga akan menjelasakan senarai responden yang

akan ditemubual secara berstruktur diikuti dengan kaedah analisis yang akan dilakukan.

Bab lima (5) pula membincangkan tentang analisis dan perbincangan yang dijalankan. Maklum balas terhadap borang temubual akan dibincanganka n dan dianalisis bagi mendapatkan penemuan kajian. Penemuan kajian diperolehi akan digunakan bagi membangunkan kerangka kerja pemilikan tanah Orang Asli. Menerusi bab ini juga, akan menerangkan secara lebih mendalam tentang kerangka kerja yang dibangunkan.

Akhir sekali adalah penulisan bab enam (6) sebagai rumusan keseluruhan kepada kajian yang dijalankan. Bab ini merangkumi pendahuluan dan disusuli dengan perbincangan mengenai limitasi kajian yang dihadapi sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Bagi tujuan kajian masa hadapan, beberapa tajuk kajian yang bersesuaian akan dicadangkan dalam bab ini. Seterusnya, beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah pengumpulan data dicadangkan dibahagian cadangan penyelesaian. Bab ini akan diakhiri dengan satu kesimpulan lengkap mengenai keseluruhan kajian yang telah dijalankan.

# RUJUKAN


Abidin, Z. Z. Z., & Wee, S. T. (2013). Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia. *Makalah yang disajikan pada Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali ke, 4*, 5-6.

Ab Rahman, A., Mutalib, L. A., Hussin, S., Hassan, S. S. C., Salleh, A. Z., & Amani, N. C. (2017). Tahap Amalan Masyarakat Terhadap Tanah Adat Dan Undang-Undang Tanah Adat: Kajian Di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law, 5*(1).

Adi, H.T, Hood, H.J and Rashid, E. (2006) 'Orang Asli: Khazanah Tersembunyi', Jabatan Muzium Malaysia.

Akmal, M. S., & Manaf, A. A. (2014). Peri pentingnya pemilikan Tanah Adat yang diiktiraf: Memahami keperluan Komuniti Bidayuh Serian, Sarawak (The imperative of ownership recognition of the Native Customary Right Land (NCR): Understanding the needs of the Bidayuh community of Serian, Sarawak). *Geografia, 10*(6).

Amnesty International (2018). Perjuangan membela hak tanah penduduk Orang Asli/bumiputera di Malaysia. Amnesty International Ltd Peter Benenson House, 1 Easton Street London WC1X 0DW, UK.

Alcantara, C. (2007) 'To Treaty or Not to Treaty? Aboriginal Peoples and Comprehensive Land Claims Negotiations in Canada', The Journal of Federalism Volume 38 Number 2, pp. 343-369

Ali, N. (1999) 'Keberkesanan Program Penswastaan dalam Melaksanakan Projek Rancangan Penempatan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli. Kajian Kes: Rizab Orang Asli Labis, Bekok, Segamat', Universiti Teknologi Malaysia.

Alias, A and Daud, M.D.N. (2006) 'Saka: Adequate Compensation for Orang Asli Native Land'*, Pacific Rim Property Research Journal,* Volume 12(3), pp. 326-349.

Anderson, R.B., Camp, R.D., Dana, L.P., Honig, B., Nkongolo-Bakenda, J.M. and Peredo, A.M. (2005) 'Indigenous land rights in Canada: the foundation for development?', *Int. J. Entrepreneurship and Small Business, Vol. 2, No. 2,* pp.104-133

Aun. W.M, (1999) ‘The Malaysian Legal System’, Longman.

Awang, S.N. and Juli, E. (2003) ‘Isu Pembangunan dan Dampak Sosial di Kalangan Masyarakat Orang Asli’, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Azima, A. M., Lyndon, N., Ramli, Z., Saad, S., Sum, S. M., Hussain, M. Y., & Jaafar, M. (2014). Memahami makna persempadanan dan pemilikan tanah NCR oleh komuniti Bidayuh di Sarawak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*, *30*.

Azima, A. M., Syafiq Akmal, K., Sarmila, M. S., Lyndon, N., Zaimah, R., Saad, S., & Jali, M. F. M. (2015). Sempadan dan pertikaian pemilikan tanah adat di Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, *11*(7), 92-103.

Azima, A. M., Zaimah, R., Saad, S., Sum, S. M., Hussain, M. Y., Shafiq, A. K., & Jaafar, M. (2016). Cabaran dalam mempertahankan tanah adat di Malaysia: Kajian kes tanah NCR suku kaum Bidayuh di Sarawak (The challenge of defending customary land in Malaysia: The case of the Sarawak’s Bidayuh NCR lands). *Geografia*, *12*(4).

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA. (2016) ‘Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020’, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

binti Zahari, N. S. I., Nordin, R., Anuar, N. S., & Uthayasoorian, N. A. S. (2021). Hak Orang Asal Berkaitan dengan Pengambilalihan Tanah: Kajian Perbandingan antara Malaysia dengan Filipina. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, *33*(1), 1-28.

Buang, S. (2007) ‘Malaysian Torrens System Second Edition’, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Bulan, R. (2007) ‘Native Title In Malaysia: A ‘Complementary’ Sui Generis Proprietary Right Under The Federal Constitution’, *Australian Indigenous Law Review* 11 (1), pp. 54-78.

Dennison, A. (2007) ‘Evolving Conceptions Of Native Title In Malaysia And Australia – A Cross Nation Comparison’, *Australian Indigenous Law Review* 11 (1), pp. 79-91.

Dhaniah Ahmad (2019). Isu yang timbul di bawah proses pengambilan tanah Orang Asli dan orang awam (kajian kes: Stulang Laut). Universiti Teknologi Malaysia.

Duggan, A. and Gedye, M. (2009) "Personal Property Security Law Reform in

Australia and New Zealand: The Impetus for Change," *Penn State International Law Review* Vol. 27 No. 3, Article 7, pp. 655-692.

Harlida, A.W.,& Asiah, B. (2001). Akta 597: Satu Perkembangan Hak Asasi Manusia di Malaysia. Jelapang, 2(2).

Hamzah, A. and Bulan, R. (2003) ‘An Introduction To The Malaysian Legal System’, Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Hamzah, H. (2013) ‘The Orang Asli Customary Land: Issues and Challenges’, *Journal of Administrative Science*, Volume 10(1), pp. 1-15.

Hamzah, J., Er,A. C., Haffiz Aliasak , M. H., Habibah, A., Buang, A. Hussain, M. Y. and Sivapalan, S. (2013) ‘Development Process and Its Implication on the Native Land Ownership’, *Asian Social Science*, Vol. 9, No. 14, pp 18-29.

Harun, N. and Hamid, N.A. (2010) ‘Akta Orang Asli 1954 (Akta 134): Sejauh Mana Melindungi Hak Orang Asli: Satu Kajian Perbandingan’, *1st International Conference On Public Policies & Social Science 2010*

Hassan, M.S. (2015) ‘Penentuan Had Kendiri Hak Penentuan Kendiri Orang Asal Di Bawah Undang Undang Antarabangsa: Kajian Kes Orang Asli’, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Heinamaki, L. (2006) ‘Inherent Rights of Aboriginal Peoples in Canada – Reflections of the Debate in National and International Law’, *International Community Law Review* 8. pp. 155–202,

Human Rights Commision of Malaysia. (2013) ‘Report Of The National Inquiry Into The Land Rights Of Indigenous Peoples’, Human Rights Commission Of Malaysia.

Jamiran, M. N. S., & Wee, S. T. (2013). Kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi Alam Sekitar Kalike*, *4*, 5-6.

Kamarudin, K.H and Ngah, I. (2007) ‘Pembangunan Mapan Orang Asli’, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Kasim, R. (2021). Kepentingan Perwartaan Tanah Rizab Orang Asli. *Research in Management of Technology and Business*, *2*(1), 1208-1216.

Luyan, M. H., & Lunkapis, G. J. (2016). Konflik hak tanah adat (native costumary rights) Kampung Imahit Tenom, Sabah. *Geografi*, *4*(1), 69-79.

Malaysia (2006) Laws Of Malaysia; Aboriginal Peoples Act 1954 (Act 134).

Malaysia (2008) Laws of Malaysia; Federal Constitution

Malaysia (2006) Undang-Undang Malaysia; Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).

Malaysia (2007) Undang-Undang Malaysia; Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). International Law Book Services, Kuala Lumpur.

Malim, T., & Ridzuan, P. D. (2003). Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar SEMINAR : Seminar Pentadbiran Dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 15-16 Disember 2003 Tajuk : Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-undang, 1–12.

Manaf, N. A., & ABDULLAH, R. (2021). Peranan agensi dalam pelaksanaan program pembangunan sosial: kajian kes komuniti orang asli perkampungan sungai berua, hulu terengganu. *Jurnal ilmu sosial dan ilmu politik*, *2*(2), 432-444.

McNeil, Kent. (2004) "The Vulnerability of Indigenous Land Rights in Australia and Canada." *Osgoode Hall Law Journal* 42.2, pp. 271-301.

Meyers, G.D. and Mugambwa, J. (1993) 'The *Mabo* Decision: Australian Aboriginal Land Rights In Transition', Environmental Law 23 Envtl. L.

Morad, M. and Jay, M. (1997) 'The Reform of Maori Land Tenure and the Quest for Sustainability in New Zealand', *Development Bulletin*, Vol 41, pp.44-46, 1997

Nicholas, C. (2000) 'The Orang Asli and The Contest for Resources. Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia', *Copenhagen, Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs*.

Niza, S.A.S.M, and Manaf, A.A (2021) 'Tahap Penerimaan Masyarakat Orang Asli Terhadap Pemilikan Tanah Berstatus Geran', *Journal Of Social Sciences and Humanities.* Vol. 18. No.1, pp. 152-170

Ngah, I. (2003) 'Perancangan Komuniti Mapan: Apakah Membina Masa Hadapan?' *Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar & Wilayah ke-21*.

Nor, H.S. (1998) 'Warga Peribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan', Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor, H.S. (2009) 'Mengapa kami jadi begini? Konflik masyarakat Orang Seletar dan Pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia', *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 5 issue 2*.

Omar, M. (2003) 'Warga Orang Asli menghadapi cabaran pembangunan: Satu analisis

demografi daripada Rancangan Penempatan Semula Komuniti Jakun di Mukim Bekok, Segamat Johor', *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran, Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran*.

Omar, M. (2004) 'Dampak Ekonomi daripada Rancangan Penempatan Semula Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor. *Kertas Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan. Unit of Research Development & Commercialization (URDC), UiTM Johor*.

Rahman, A.R.A. (2003) 'Orang Asli dan Hakmilik Tanah', Universiti Teknologi Malaysia.

Rahmat, H. (2000) 'Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli dan Kesannya Ke Atas Pemilikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli. Kajian Kes: Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli, Bekok, Segamat, Johor', Universiti Teknologi Malaysia.

Ramesh, V. and Mohamad, M. (2017) 'Hak Tanah Orang Asli: Isu-Isu Hak Tanah Orang Asli Di Semenanjung Malaysia', *Legal Network Series*.

Saku, J.C. (2002) 'Modern Land Claim Agreements and Northern Canadian Aboriginal Communities', *World Development* Vol. 30, No. 1, pp. 141-151.

Samson, C. (2015) 'Canada's Strategy of Dispossession: Aboriginal Land and Rights Cessions in Comprehensive Land Claims', *Canadian Journal of Law and Society*

Sa'ad, N.S. (2002) 'Rancangan Penempatan Semula Orang Asli Sebagai Salah Satu Langkah Penyelesaian Pengambilan Balik Tanah', Universiti Teknologi Malaysia.

Serji, R.M (2018) 'Sistem Torrens Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia : Sistem', International Islamic University College Selangor. pp. 257–259.

Shamsudin, S. (2016) 'Kepentingan Pewartaan Tanah Rizab Orang Asli', Universiti Teknologi Malaysia.

Sunaidin, S.K.C. (1997) 'Ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Penduduk Orang Asli Simpang Arang dalam Konteks Pembangunan Bandar Nusajaya', Universiti Teknologi Malaysia.

Sulong, J., Taha, M.M. and Ayub, M.N. (2014) 'Dasar Pemberian Hakmilik Tanah Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Islam', *Esteem Academic Journal,* Volume 10(2), pp. 66-81.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. (2013) 'Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli', Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Seow, T.W, Mohamed, M. and Jamiran, M.N.S. (2013) 'Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia', *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4.,* Volume 1, pp. 755-761.b

Stewart-Harawira, M. (2015) 'Re-singing the world. Indigenous pedagogies and global crisis during conflicted times. Globalization and Minority Cultures. The role of 'minor' cultural groups in shaping our global future', *Studies in International Minority and Group Rights* Vol. 8, pp. 112-130

Subramaniam, Y. (2011) 'The 'UNDRIP' And The Malaysian Constitution: Is Special Recognition And Protection Of The Orang Asli Customary Lands Permissible?', *Malayan Law Journal Articles,* Volume 2**,** pp. 1-19.

Subramaniam, Y. (2012) 'Orang Asli Land Rights By *Undrip* Standards In Peninsular Malaysia: An Evaluation And Possible Reform', University Of New South Wales.

Syufaat, M.N. and Seow, T.W. (2013)'Kelestarian Transformasi Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4. Universiti Pendidikan Sultan Idris,* Volume 1

Usher, P.T., Tough, F.J. and Galois, R.M. (1992) 'Reclaiming the land: aboriginal title, treaty rights and land claims in Canada', *Applied Geography,* 12, pp. 109-132

Vijeyasri, R., & Mazliza Mohamad. (2017). Hak tanah orang asli: isu- isu hak tanah orang asli di Semenanjung Malaysia. Legal Network Series, LNS (A),1-29

Wahab, N. A. A., & Manaf, A. A. (2020). Faktor yang Mendorong Pertikaian terhadap Boleh Guna Tanah Milik Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5*(11), 288-301.

Wook, I. (2016). The Orang Asli In Peninsular Malaysia And The Recognition Of Their Land Rights Under The Aboriginal Peoples Act 1954.

Young, E.A, (1992) 'Aboriginal land rights in Australia: expectations, achievements and implications', *Applied Geography* vol 12, pp. 146-161

Young, O.P, (1997) 'Evolution Of The System Of Protected Areas In Western Australia', *Environmental Conservation* 24 (2), pp. 168–181

Yusuf, S.Z. (2011) 'Kesan Pemilikan Tanah Kepada Taraf Hidup Orang Asli', Universiti Teknologi Malaysia.

Zaki, P. H., Hamzah, M. Z., Ismail, M. H., Wahidin, K., and Hamid, H. (2010) 'A.

Malay customary tenure and conflict on implementation of colonial land law in Peninsular Malaysia', *Journal of Law and Conflict Resolution,* Volume 2(2), pp. 33-45.

Zulhilmi, Z.A.Z. (2015) 'Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli: Kajian Kes di Johor dan Selangor', Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Zulhilmi, Z.A.Z. and Seow, T.W. (2013) 'Isu Konflik Tanah Adat Bagi Orang Asli di Malaysia', *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4*, Volume 1, pp. 577-581.

## SENARAI PENERBITAN

| No. | Penulis | Tajuk | Penerbitan |
|---|---|---|---|
| 1. | 1) Wan Ahmad Hazman Wan Daud<br>2) Aminah Mohsin | Critical Review On Land Ownership For Orang Asli Land In Malaysia | International Graduate Conference of Built Environment & Surveying (GBES)<br>24-25 Jun 2019<br>Universiti Teknologi Malaysia, Johor<br>Conference Proceedings (Volume 2)<br>ISBN: 978-967-10893-8-5 |
| 2. | 1) Wan Ahmad Hazman Wan Daud<br>2) Aminah Mohsin<br>3) Mohd Shahril Abdul Rahman | Land Ownership For Orang Asli In Malaysia: Current Situation | International Journal of Scientific & Technology Research<br>Volume 9, Issue 03,<br>ISSN: 2277-8616,<br>March 2020 |